

Polis siasat siapa sahaja jika ada maklumat

UM 30 SEP 2001

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Polis akan menyiasat sesiapa sahaja sekiranya mempunyai maklumat bahawa mereka melakukan kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk menalami latihan ketenteraan di Afghanistan ataupun Pakistan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari berkata, siasatan berkaitan tidak terhad kepada ahli-ahli Pas sahaja, tetapi melibatkan semua orang sekiranya polis menerima maklumat.

“Kita tidak kisah mereka ahli Pas atau bukan Pas, tetapi yang penting kita akan siasat jika kita ada terima maklumat tertentu,” jelas Jamil pada sidang akhbar selepas merasmikan Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Kadet ASP dan Inspektor di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur, pagi ini.

Selepas itu, menurut beliau, polis akan melihat hasil siasatan yang dilakukan untuk menentukan apa kesalahannya yang dilakukan sebelum membuat tangkapan.

Jamil memberitahu, hasil siasatan itu kemudiannya akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk menentukan tindakan selanjutnya iaitu sama ada mereka yang terbahit akan didakwa ataupun polis boleh menggunakan undang-undang pencegahan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang mendedahkan kerajaan mempunyai bukti-bukti dokumen dan bergambar menunjukkan ahli kumpulan militan tempatan dilatih oleh

puak Taleban di Afghanistan bagi menumbangkan kerajaan secara ganas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ahli-ahli militan itu telah menyertai puak Taleban dan kembali ke tanah air bagi menjatuhkan kerajaan, kononnya untuk mendirikan sebuah kerajaan Islam di Malaysia.

“Kita dapat maklumat siapa terlibat dan ada bukti dokumen termasuk gambar-gambar mereka semasa berada di Afghanistan dengan orang Afghan,” kata Dr. Mahathir.

Jamil ketika diminta mengulas lebih lanjut mengenai kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) berkata, polis menghadapi kesukaran untuk menangkap ahli-ahli KMM yang telah dikenal pasti kerana mereka ini bergerak secara sulit dan mungkin menggunakan pasport pelbagai nama ketika memasuki negara ini.

Oleh itu, jelasnya, sehingga kini polis Perak yang mencari tujuh ahli KMM masih gagal untuk menangkap mereka.

Jamil bagaimanapun berkata, pihaknya tidak mengetahui berapa jumlah sebenar ahli KMM yang masih bebas di negara ini.

“Tak ada kita tahu semua. Ini kerana masih dalam siasatan manakala di peringkat penglibatan sama ada ahlinya aktif atau tidak kita kena melakukan siasatan secara berhati-hati,” tegasnya.